



PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, DISEMBER 2024



PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, JANUARI 2025

**JUMLAH
DAGANGAN**
RM241.9 bil.
▲ 3.1%

**IMBANGAN
DAGANGAN**
RM3.6 bil.
▼ 64.3%



Perangkaan Perdagangan Luar Negeri,
Jan 2024 – Jan 2025 (RM bilion)

Prestasi Eksport & Import bagi sektor

RM104.1 bil.
▲ 0.4%

Pembuatan

RM101.5 bil.
▲ 8.5%

Perlombongan

RM7.8 bil.
▼ 21.2%

RM9.1 bil.
▲ 11.0%

Pertanian

RM8.3 bil.
▲ 22.6%

Import bagi BEC & Penggunaan Akhir

Barangan
Perantaraan

51.0%

RM60.7 bil.
▲ 3.3%

Barangan
Modal

16.8%

RM20.0 bil.
▲ 45.9%

Barangan
Penggunaan

8.4%

RM10.1 bil.
▼ 2.6%

Dagangan dengan ASEAN

Eksport

3 Rakan
Dagangan
Utama

China

RM13.3 bil.
▼ 4.0%

RM28.1 bil.
▲ 9.4%

Import

Singapura

RM20.9 bil.
▲ 19.7%

RM12.9 bil.
▼ 7.7%

Amerika
Syarikat

RM17.3 bil.
▲ 28.1%

RM11.2 bil.
▲ 29.9%

SUMBANGAN:
25.7%


EKSPORT
RM36.8 bil.
▼ 1.5%

IMPORT
RM25.4 bil.
▼ 7.9%

Nota: 1. Semua perubahan adalah berdasarkan perbandingan tahun ke tahun.
2. Data bulan Januari 2025 adalah data awalan dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.
3. Laporan ini boleh diperolehi daripada laman portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) di bawah ruangan: Siaran Terkini.

Sumber : Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan, Januari 2025
Jabatan Perangkaan Malaysia

Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2021 – Jan 2025



@StatsMalaysia



Prestasi perdagangan Malaysia merekodkan peningkatan 3.1 peratus, kekal momentum positif pada Januari 2025

- Jumlah dagangan meningkat 3.1 peratus kepada RM241.9 bilion, didorong oleh pertumbuhan eksport (+0.3%) RM122.8 bilion dan import (+6.2%) RM119.2 bilion. Sebaliknya, imbalan dagangan turun 64.3 peratus kepada RM3.6 bilion pada Januari 2025.
- Prestasi eksport Malaysia meningkat selaras dengan kenaikan eksport domestik pada Januari 2025. Eksport domestik (79.4% daripada jumlah eksport), meningkat 2.9 peratus kepada RM97.5 bilion. Sementara itu, eksport semula (20.6% daripada jumlah eksport) turun 8.7 peratus berbanding Januari 2024, bernilai RM25.3 bilion.
- Lebihan dagangan menguncup 64.3 peratus kepada RM3.6 bilion, lebihan bulan ke-57 berturut-turut sejak Mei 2020.
- Eksport yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya ke Amerika Syarikat (+RM3.8 bilion), diikuti Singapura (+RM3.4 bilion), Taiwan (+RM1.2 bilion), Hong Kong (+RM810.4 juta), Kenya (+RM388.5 juta), Kanada (+RM346.6 juta) dan Brunei Darussalam (+RM186.4 juta).
- Kenaikan ini sejajar dengan peningkatan dalam barangan elektrik & elektronik (+RM6.5 bilion); barangan perkilangan lain (+RM665.0 juta); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan kelapa sawit (+RM537.8 juta); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM429.5 juta); barangan perkilangan berasaskan minyak kelapa sawit (+RM409.2 juta); dan keluaran pertanian yang lain (+RM317.3 juta).
- Selain itu, import yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya dari Taiwan (+RM7.2 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM2.6 bilion), China (+RM2.4 bilion), Republik Korea (+RM993.9 juta), Iraq (+RM488.5 juta), Ecuador (+RM348.0 juta) dan Mexico (+RM332.0 juta).
- Peningkatan import dicatatkan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM13.4 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM808.3 juta); keluaran pertanian yang lain (+RM636.7 juta); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan kelapa sawit (+RM421.3 juta); barangan perkilangan berasaskan minyak kelapa sawit (+RM367.2 juta); dan minyak sayuran lain (+RM320.9 juta).
- Berbanding Disember 2024, eksport, import, jumlah dagangan dan imbalan dagangan masing-masing mencatatkan penguncupan 11.3 peratus, 0.2 peratus, 6.2 peratus dan 81.0 peratus.

